

NO. SOALAN: 490

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan rasional rampasan berus cat yang disyaki diperbuat daripada bulu babi di premis menjual barang pekakas (hardware). Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi di masa depan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan penguatkuasaan yang diambil merupakan prosedur pemeriksaan biasa yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) susulan daripada Laporan Bongkar oleh pihak media pada 4 Februari 2017 berkaitan berus cat bulu babi. Tindakan tersebut adalah berasaskan Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Yang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi Dan Anjing) 2013 yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2014. Perintah tersebut menerangkan:

- i. barang-barang yang diperbuat daripada babi dan anjing perlu dilabelkan dengan ungkapan yang jelas “diperbuat daripada babi” atau “diperbuat daripada anjing” atau seumpamanya;
- ii. mempamerkan secara berasingan daripada barang-barang lain;
- iii. menggunakan Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Kebangsaan yang diikuti dengan terjemahan bahasa lain; dan
- iv. penghurufan hendaklah bersaiz tidak kurang daripada sepuluh (10) milimeter.

Berus-berus cat yang diperbuat daripada bulu babi dan dipamerkan untuk jualan tetapi tidak dilabel dan diasingkan akan disita oleh KPDKKK untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi menjalani ujian DNA.

KPDKKK sedang giat menjalankan program advokasi ke seluruh Negara bagi menerangkan kepada para peniaga mengenai Perintah ini. Pada masa yang sama, pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan

turut dijalankan dengan menggunakan pendekatan *smart enforcement* iaitu dengan memberi khidmat nasihat, kesedaran dan panduan kepada peniaga tentang barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan isu halal.

Selain itu juga, KPDNKK dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) akan terus mengadakan program kesedaran dan pendidikan kepenggunaan kepada orang awam mengenai perkara yang melibatkan halal dan hak-hak pengguna. Kementerian berharap semua pengguna termasuk yang beragama Islam dapat membuat pilihan dengan bijak dalam membuat pembelian sesuatu barang serta mengelak daripada membeli barang-barang yang diragui status halal dan kesahihannya.

Kementerian sentiasa mengingatkan orang ramai supaya melaporkan aduan menerusi saluran yang betul dan sebarang kekeliruan atau pertanyaan hendaklah merujuk terus kepada KPDNKK untuk diambil tindakan sewajarnya.

SOALAN (491)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

SOALAN :

YB TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembinaan ECRL (East Coast Rail Line) diluluskan oleh pihak Kementerian. Apakah kos yang dijangka untuk pembinaan ini. Syarikat manakah yang telah dianugerahkan projek ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, East Coast Rail Link (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (*Request of Information - RFI*) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang berminat untuk

melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Justeru, semasa lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) pada Oktober 2016, beberapa perkara telah dibincangkan bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral berterusan dengan Kerajaan China. Dalam rundingan itu, kedua-dua Kerajaan telah mencapai kata sepakat supaya projek ECRL ini dilaksanakan sebagai inisiatif projek *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan China dan Malaysia.

Selain itu dan mustahak untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan China turut mengemukakan tawaran pakej kewangan yang menarik dan memberi kelebihan kepada Malaysia. Bagi membolehkan Malaysia mendapat terma kewangan yang terbaik ini, dalam rundingan G2G berkenaan, syarikat pembinaan terbesar milik Negara China iaitu China Communications Contruction Company (CCCC) telah dinominasi oleh Kerajaan negara China untuk melaksanakan projek ECRL.

Dengan kerjasama yang dimerterai ini, persahabatan dan hubungan erat dengan Negara China yang merupakan antara rakan dagangan terbesar Malaysia dapat diperkuuhkan lagi. Pelaksanaan projek ini juga akan

memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, *value for money* dan boleh dirasai oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017

SOALAN (492)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' NGEH KO HAM
[BERUAS]**

SOALAN :-

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah Kerajaan akan menghulurkan peruntukan yang mencukupi untuk menyiapkan tempat pelupusan sampah di Teluk Mengkudu di Daerah Manjung, Perak. Apakah kesan pencemaran yang berlaku apabila tembok penghalang pecah pada lebih kurang 24/1/2017 menyebabkan sampah mengalir ke sungai/laut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Teluk Mengkudu telah diluluskan dengan siling kos projek sebanyak RM40 juta. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak berhasrat untuk meneruskan projek pembinaan tapak pelupusan ini di lokasi berkenaan kerana mendapati keadaan tanah tersebut adalah lembut dan tidak sesuai. Sekiranya KPKT meneruskan projek berkenaan di lokasi tersebut, anggaran kos projek termasuk kerja-kerja *ground improvement* akan meningkat melebihi RM100 juta.

Disebabkan faktor kos yang terlalu tinggi hanya bagi membina sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari berkapasiti 400 tan sehari dan melebihi siling peruntukan, KPKT telah mengambil keputusan untuk menukar lokasi tapak pelupusan sisa pepejal ke tapak lain. KPKT telah

menerima cadangan lokasi baharu daripada Majlis Perbandaran Manjung iaitu di Sitiawan. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu-isu berkaitan tapak yang perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh Majlis Perbandaran Manjung. Setelah perkara ini diselesaikan, barulah KPKT akan membuat penilaian awal tapak bagi memastikannya adalah sesuai dengan mengambil kira aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial serta kos operasi dan pembinaan sebelum tapak ini dipersetujui untuk dibangunkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Majlis Perbandaran Manjung telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan tembok bagi menghalang sisa pepejal yang dilupuskan memasuki sungai berhampiran. Namun pada 24 Januari 2017, Kementerian telah dimaklumkan bahawa berlaku runtuhan tembok yang dibina oleh Majlis Perbandaran Manjung. Runtuhan tembok berkenaan telah menyebabkan pencemaran pada sungai kerana *leachate* daripada tapak pelupusan tersebut. Kejadian runtuhan tembok ini berlaku disebabkan oleh kerja-kerja pengoperasian di tapak pelupusan yang tidak mengikut piawaian operasi sebuah tapak pelupusan. Pihak Kementerian bersedia untuk membantu pihak Majlis Perbandaran Manjung membaiki tembok

berkenaan sekiranya pihak Majlis Perbandaran Manjung memohon peruntukan daripada Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017